



17 FEB, 2025

Kilat JB A juara Piala YDP Kelab Kilat

Utusan Malaysia, Malaysia



Kilat JB A juara Piala YDP Kelab Kilat

KELAB Kilat Johor Bahru (JB) A mencipta sejarah tersendiri selepas tampil sebagai Johan Pertandingan Bola Tampar antara Kelab Kilat seluruh negara yang diadakan di Dewan Tertutup Felda Ulu Belitong di Kluang, semalam.

Kelab Kilat JB A sebelum itu bertungkus-lumus melawan asakan daripada Kelab Kilat Kuala Lumpur (KL) A untuk

menang dengan keputusan 2 - 1. Yang Dipertua Kelab Kilat Kluang, Kamaruzaman Md. Nasir berkata, sebanyak 13 pasukan Kelab Kilat di seluruh telah menyertai kejohanan yang julung kali diadakan ini.

"Insya Allah kejohanan ini akan dijadikan sebagai acara tahunan untuk merebut Piala Kelab Kilat Kluang sebagai piala pusingan.

"Diharapkan lebih banyak lagi

pasukan Kelab Kilat di seluruh negara yang akan menyertai kejohanan ini pada tahun-tahun akan datang," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

■ **PASUKAN** Kelab Kilat Johor Bahru A meraikan kejayaan selepas menjadi Johan Pertandingan Bola Tampar antara Kelab Kilat di Dewan Tertutup Felda Ulu Belitong di Kluang, semalam.